



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60  
No. 14

6hb Julai 2017

TAMBAHAN No. 10  
PERUNDANGAN

K. P.U. 11.

AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN 1974  
[Akta 133]

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk membuat Undang-Undang Kecil berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2017.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai di semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Kedah.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [K.P.U. 7/19 Jun 1986] yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dipinda dalam undang-undang kecil 2 dengan memasukkan selepas tafsiran "siling" tafsiran yang berikut:

"SPAHA" ertinya "Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan" di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiaannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan;"



**Pindaan undang-undang kecil 10**

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas sub-sub-perenggan (ix) sub-sub-perenggan berikut:

“(x) lokasi tangki air hujan;

(xi) elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH perlulah ditunjukkan dengan jelas dalam pelan bagi jenis-jenis bangunan;

(a) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m<sup>2</sup> sahaja; dan

(b) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100m<sup>2</sup>.”

**Pindaan undang-undang kecil 25**

4. Undang-undang kecil 25 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1)(c): dengan menggantikan perkataan “air dan elektrik” perkataan “air, elektrik dan komunikasi”.

**Pindaan undang-undang kecil 27**

5. Undang-undang kecil 27 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso dengan menggantikan perkataan “air dan, elektrik” perkataan “air, elektrik dan komunikasi”.

**Undang-undang kecil baru 38A**

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 38 undang-undang kecil yang berikut:

(1) Bangunan baru atau diubah suai dengan ruangan hawa dingin melebihi 4,000 meter persegi hendaklah—

(a) direka agar dapat mencapai spesifikasi PM 1525 dari segi Overall Thermal Transfer Value (OTTV) dan Roof Thermal Transfer Value (RTTV); dan

(b) disediakan dengan Sistem Pengurusan Tenaga.

(2) Bumbung bagi semua bangunan (kediaman dan bukan kediaman) hendaklah mempunyai kadar peralihan arus udara panas (thermal transmittance) (U-Value) yang melebihi—

(a) 0.4 W/m<sup>2</sup>K bagi bumbung yang ringan (kurang daripada 50kg/m<sup>2</sup>); dan



- (b) 0.6 W/m<sup>2</sup>K bagi bumbung yang berat (lebih daripada 50kg/m<sup>2</sup>), melainkan jika dilengkapi dengan elemen teduhan atau penyejukan.”.

#### Pindaan undang-undang kecil 115

7. Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“115. (1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAH) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikut keperluan seperti berikut:

- (a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapkan dengan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225 mm di atas paras limpah tangki simpanan air SPAH;
- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda “**Bukan Untuk Tujuan Minuman atau Mandian**” dengan jelas;
- (c) palung yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung; dan
- (d) paip air hujan hendaklah berwarna hijau.”.

Bertarikh:

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah pada 7 Jun 2017.

[PUN(K)100-1/1/2-2(6)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah Darul Aman

